


Parkiosa

Nur Dalila Adenan
UiTM Cawangan Terengganu



Petai atau nama saintifiknya "Parkia Speciosa", tumbuh liar di hutan tropika dan ia boleh didapati di perkampungan Melayu. Ia adalah makanan eksotik di kawasan tropika, dan merupakan salah satu daripada makanan orang Malaysia yang dipanggil 'ulam'. Secara tradisinya, penduduk tempatan percaya benih tumbuhan ini boleh dijadikan ubat untuk merawat pelbagai penyakit dan gejala seperti diabetes, masalah buah pinggang dan sakit kepala. Walau bagaimanapun, dengan kehadiran bau yang tidak menyenangkan, ia menjadikannya kurang digemari.

Objektif

- Memberikan nafas baru dalam industri makanan dengan menetengahkan ulam-ulaman sebagai elemen dalam produk makanan.
- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat akan kepentingan ulam dalam diet seharian.
- Dapat dipasarkan ke pasaran yang lebih meluas dengan menjalankan penyelidikan yang lebih terperinci.

Justeru, bagi merealisasikan inovasi produk berasaskan ulam-ulaman, Kelab MyAgrosis UiTMCT telah berjaya mengeluarkan produk PARKIOSA iaitu coklat yang berperisa petai yang telah didaftarkan sebagai produk pertama keluaran Kelab MyAgrosis. Ia terbukti mempunyai rasa unik dan baik untuk kesihatan yang mengandungi antioxidant, vitamin, tenaga dan protein. Hasil daripada penemuan, ianya tidak kurang seperti rasa kacang Almond. Uniknya, Parkiosa dicipta untuk menggabungkan makanan tradisional dengan coklat bagi menarik perhatian masyarakat setempat terutamanya remaja dan kanak-kanak. Coklat Parkiosa adalah hasil inovasi dari buah petai mempunyai bau dan rasa 'petai' mentah. Coklat Parkiosa adalah enak dan boleh dinikmati oleh yang dilengkapi resepi tersendiri sehingga menjadi coklat yang enak dan boleh dinikmati oleh orang ramai dari pelbagai peringkat umur malahan khasiatnya juga sebagai coklat bar tenaga atau 'energy bar'.



ISTIMEWA

Keistimewaan produk Parkiosa adalah ianya dihasilkan secara manual dengan menggunakan coklat atau koko terpilih yang sesuai dengan selera rakyat negara ini. Dengan inovasi coklat petai ini, Parkiosa juga boleh diperkenalkan kepada orang ramai dan berpotensi untuk dieksport keluar dari negara sebagai salah satu coklat yang luar biasa.

Produk Parkiosa telah dipertandingkan dalam beberapa pertandingan inovasi dan berjaya meraih Emas di EPIC 2018 | Educational Project of Innovation Competition dan juga tempat keempat di dalam pertandingan MyAgrosis Cup 2018 dengan membawa pulang RM500.00. Semoga produk ini akan menjadi satu inisiatif dalam usaha menjayakan penglibatan mahasiswa dengan agropreneur dan menggalakkan masyarakat untuk menerima petai sebagai salah satu produk makanan yang berkhasiat. Berkat usaha penasihat dan juga pelajar (ahli kelab), maka produk seterusnya yang bakal diketengahkan adalah Petai Chips yang akan mula diproses dan dikeluarkan pada pertengahan tahun 2019 sebagai kesinambungan produk berasaskan petai.